

MAJLIS PEMBUKAAN KIPA SIRI 82/19

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4989-majlis-pembukaan-kipa-siri-82-19

ALOR SETAR, 17 Mei 19 - Majlis pembukaan Kursus Ilmu Penerbangan Asas (KIPA) Siri 82/19 telah diadakan di Dewan Taming Sari, INSPEN 1, Kolej Tentera Udara.

Kursus ini melibatkan seramai 42 orang calon Juruterbang, 10 orang calon daripada 'Air Defense Controller', dua orang calon 'Tactical Coordinator Officer' dan seorang calon TNI-AU (Indonesia).

Majlis ini telah dirasmikan oleh Komandan KTU, Brig Jen Dato' Muhammad Tarminzi bin Hj Mustapha TUDM diiring oleh Pegawai Memerintah INSPEN 1, Lt Kol Mohd Faizal bin Md Jani TUDM serta Pegawai-pegawai Eksekutif Kolej.

